



Paras air Sungai Sarawak yang dirakamkan di Kampung Boyan, Kuching pada jam 7 malam tadi.

Banjir di Sarawak bertambah buruk

» *Fenomena air pasang besar, hujan lebat punca paras sungai meningkat*

Oleh **Mohd Roji Kawi, Mohamed Farid Noh dan Nurul Fhatihah Zakinan**
bhnews@bh.com.my

▀ **Kuala Lumpur**

Banjir di Sarawak semakin buruk apabila jumlah mangsa yang dipindahkan terus meningkat, manakala keadaan di Melaka dan Johor beransur pulih.

Bilangan mangsa yang dipindahkan di Sarawak meningkat kepada 3, 230 orang, manakala di Johor dan Melaka, masing-masing berkurangan 10 orang dan kepada 96 orang.

Di **Kuching**, fenomena air pasang besar dan hujan lebat di hulu Sungai Sarawak menyebabkan beberapa penempatan penduduk di tebing sungai itu dinaiki air sehingga memaksa pendu-

duk dipindahkan.

Sehingga jam 8 malam, sebanyak 25 pusat pemindahan dibuka di sekitar Kuching dan Bau, yang membabitkan 3, 230 mangsa.

Daripada jumlah itu, seramai 2,1737 daripada 719 keluarga ditempatkan di 20 pusat pemindahan di Kuching, manakala 493 daripada 110 keluarga dipindahkan di lima pusat pemindahan di Bau.

Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak, Datuk Misnu Taha, berkata hujan renyai diramal berterusan melanda negeri ini hingga hujung minggu ini.

Fenomena air pasang besar

“Apa yang agak membimbangkan ialah air pasang besar akan terus berlaku pada waktu petang dan awal pagi. Ini dikhuatiri menyebabkan kawasan penempatan di tebing sungai akan dinaiki air,” katanya.

Di **Melaka**, sebuah pusat pemindahan banjir terakhir di Alor Gajah masih beroperasi dan dijangka tutup sekurangnya sehari lagi berikutan air belum surut.

Di **Ledang**, tiga daripada empat pusat pemindahan sementara di daerah Tangkak dan Segamat dekat sini, ditutup selepas keadaan banjir pulih, semalam.

Pegawai Daerah Tangkak, Ab Han Rahim, berkata pusat pemindahan di Sekolah Kebangsaan (SK) Sialang dan Sekolah Agama Bandar Tangkak ditutup pada jam 4.30 petang sebelum kesemua 104 mangsa dari 27 keluarga dibenarkan pulang.